



مرکز العقيدة  
AKIDAH AND GLOBAL OUTREACH CENTRE

# SIGMA 10

TOWARDS PEACEFUL CO-EXISTENCE AND EXCELLENCE OF UMMAH:  
AN IMPLICATION OF RAHMATAN LIL 'ALAMIN

## E-PROCEEDINGS OF THE INTERNATIONAL CONFERENCE ON AQIDAH, RELIGIONS AND SOCIAL SCIENCES (SIGMA10)

4th November 2020

Editors

Mohd Radhi Ibrahim  
Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali  
Rosidayu Sabran  
Nik Suhaida Nik Abdul Majid  
Najib Sheikh Abdisamad  
Mohd Hamidi Ismail  
Yuseri Ahmad

AKIDAH AND RELIGION STUDIES PROGRAMME  
FACULTY OF LEADERSHIP AND MANAGEMENT  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**CABARAN ‘ISOTHYMIA’ – ‘MEGALOTHYMIA’ DALAM  
PEMBINAAN NEGARA BANGSA MALAYSIA DAN PENCABULAN KE  
ATAS ELEMEN-ELEMEN ANAK WATAN**

*The Challenges of ‘Isothymia’- ‘Megalothymia’ in the Malaysia’s Nation Building and Violation  
towards the Host-People Elements*

\*Afi Roshezry Abu Bakar<sup>a</sup>, Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Universiti Tunku Abdul Rahman

<sup>b</sup>Universiti Sains Islam Malaysia

\*afi@utar.edu.my

**Abstrak**

Konsep negara bangsa moden yang bermula di Eropah pada hujung abad 18 dan 19 telah membawa cabaran besar buat Malaysia dalam mengurus kepelbagaian etnik yang wujud pasca penjajahan. Kewujudan masalah thymos, iaitu perasaan dan kemahuan pengiktirafan terhadap martabat dan maruah, melahirkan isothymia-tuntutan untuk dihormati secara setara dengan yang lain, dan megalothymia- keinginan diiktiraf sebagai unggul telah mendatangkan pelbagai cabaran dan rintangan harus ditempuhi sebelum impian suatu bangsa Malaysia dapat di reliasasikan. Namun berdasarkan Perlembagaan Malaysia terdapat beberapa elemen-elemen tiang seri Malaysia dan anak watan yang harus difahami secara tuntas oleh setiap rakyat Malaysia. Elemen-elemen anak watan ini yang menjadi tunjang dan asas perlembagaan negara seperti dirobek, dicarik malah dicabul oleh segelintir masyarakat yang tidak memahami secara mendalam tentang kepentingannya. Makalah ini akan menganalisa beberapa isu dan insiden yang dijadikan perbincangan secara konstruktif bagi melihat bagaimana penerimaan masyarakat Malaysia dalam menghormati elemen-elemen anak watan ini. Adalah amat penting mengetahui, memahami dan menghormati tiang seri dan elemen anak watan dalam perlembagaan bagi mencipta toleransi dan mewujudkan idaman bangsa Malaysia.

Kata Kunci : toleransi, perlembagaan, Malaysia, politik, agama, bangsa

**PENGENALAN**

Persoalan berkaitan nasionalisme dan agama dalam dunia politik tidak akan pudar dan hilang. Faham demokrasi liberal kontemporari dilihat sukar mengurus kebangkitan nasionalisme populis yang mana pemimpin menggunakan keabsahan melalui proses pilihanraya yang demokratik dalam menyatukan kuasa, tetapi menggunakan faktor kebersamaan, yang seringkali dikaitkan dengan agama dan kumpulan etnik majoriti. Terdapat tiga faktor yang menyebabkan nasionalisme populis yang menyubur sejak 2015, iaitu ekonomi, politik dan budaya.

Dalam proses membina sebuah negara bangsa Malaysia, seringkali isu berkaitan etnik dan agama menjadi garis halangan. Ini sangat penting dibincangkan kerana ia mempunyai kaitan dengan faham liberal demokrasi moden yang menjanjikan serta menyajikan secara luas darjah penghormatan yang setara tetapi minimal, sebagaimana yang wujud di dalam sifir demokrasi liberal; iaitu hak individu, peraturan undang-undang dan perkara seumpamanya yang melibatkan kebebasan dan pilihan. Namun ia sebenarnya merupakan masalah besar kerana ia tidak sehaluan dengan realiti sosial masyarakat yang pelbagai dan mempunyai ciri-ciri budaya watan yang membentuk jati diri sesuatu bangsa atau peradaban. Garis sifir demokrasi liberal sebenarnya sesuatu yang utopia, sesuatu yang sangat ideal dan sempurna, tetapi tidak mungkin dapat diwujudkan atau direalisasikan.

Pasca penjajahan telah menyesakkan Malaysia dengan wujudnya masalah besar yang gagal diselesaikan oleh demokrasi liberal, iaitu thymos, iaitu perasaan kemarahan, atau semangat, sebagaimana Socrates rujuk sebagai ‘spirit’ (Bloom, 2016) yang bermatlamatkan maruah, yang mendambakan pengiktirafan.

Atas kerangka inilah maka wujudnya pelbagai sikap dan sifat, dari penjajah hingga ke tinggalannya yang masih terkongkong. Sedangkan, Malaysia atau sebelum merdekanya sebagai Tanah Melayu, bukan kosong atau lopong, tetapi penuh dan sarat dengan nilai dan peradaban yang jauh lebih lama daripada peradaban penjajah itu sendiri. Pembinaan negara bangsa pasca penjajahan diselarikan dengan sifat kemanusiaan pemimpin ketika itu tetapi disyaratkan dengan elemen watan yang menggambarkan identiti dan citra setempat. Kesemua elemen watan ini kemudiannya menjadi tiang seri perpaduan di Malaysia (Muslim, Samian, & Nizah, 2012), yang seringkali dianggap sebagai penghalang oleh setengah golongan dan sebagai benteng sebahagian yang lain.

Elemen-elemen ini dilihat seperti pengongkong kepada semangat atau dahaga kepada pengiktirafan; thymos, atas nama demokrasi liberal yang utopia. Maka amat penting elemen ini diketahui dan difahami, agar proses pembinaan negara bangsa dapat diagendakan dengan hakikat citra elemen watan. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan tentang masalah yang timbul daripada psikologi thymos yang universal dalam semua masyarakat. Kemudian, artikel akan menghubungkan dengan beberapa isu yang berlaku yang diklasifikasikan sebagai pencabulan elemen watan. Beberapa cadangan dikemukakan agar dapat dijadikan pengisian dalam membina negara bangsa Malaysia.

### **Masalah Politik Thymos**

Politik dunia mengalami perubahan besar seawal 1970an hingga ke pertengahan tahun 2000. Jumlah negara yang mengalami proses pendemokrasian meningkat hampir 200 peratus yang menyaksikan faham demokrasi liberal menjadi ikutan, ataupun setidaknya menjadi aspirasi bagi negara lain (Huntington, 1996). Bersekali dengan kebangkitan institusi politik ini ialah pertumbuhan ekonomi saling bergantung yang melibatkan banyak negara. Perkembangan ini dilihat sebagai kesejahteraan ekonomi dunia. Tetapi, ia sebenarnya membawa ketidakseimbangan yang besar, serta ia menggugat perubahan sosial masyarakat, terutamanya di negara-negara membangun, termasuklah Malaysia. Krisis sub-prima di Amerika Syarikat pada 2008 dan ancaman terhadap masa depan Kesatuan Eropah telah menjejaskan reputasi demokrasi liberal.

Kemenangan Donald J. Trump pada 2016 sebagai presiden Amerika Syarikat, dan Britain mengundi untuk keluar daripada Kesatuan Eropah menambah derita janji liberal demokrasi tetapi terarah kepada isu ekonomi, terutamanya yang kehilangan pekerjaan oleh golongan pekerja dan proses penyahindustri. Tekanan imigrasi secara besar-besaran atas nama globalisasi telah menyebabkan tenaga kerja nasional berasa terancam dan menghakis identiti budaya yang telah lama sebat.

Suasana politik kurun ke dua puluh sebenarnya tersusun di dalam spektrum kiri dan kanan yang didasari oleh isu ekonomi, politik dan budaya. Dalam konteks Malaysia, kiri seringkali dilabel sebagai kumpulan yang mempromosi kepentingan kumpulan yang dikesampingkan atau marginalized- iaitu kumpulan minoriti, wanita, LGBT, pelarian, dan seumpamanya, yang mahukan hak sama rata. Manakala golongan kanan pula dilabel sebagai kumpulan yang mahukan mengekalkan status quo, atau patriot yang melindungi identiti tradisional, yang seringkali dikaitkan dengan bangsa, etnik, mahupun agama.

Masalah thymos ini sebenarnya boleh dilihat dalam dua bentuk yang berbeza, iaitu isothymia dan megalothymia (Fuller, 2006). Isothymia boleh diertikan sebagai tuntutan untuk dihormati atas dasar sama rata dengan kumpulan yang lain. Kotemporari politik identiti didorong oleh pencarian pengiktirafan oleh kumpulan yang menganggap diri dan kumpulan mereka sebagai terpinggir (*marginalized*) oleh masyarakat. Dan ia sebenarnya boleh menjadi tuntutan terhadap pengiktirafan terhadap keunggulan atau ketinggian kumpulan itu sendiri. Kotak fikiran ini serta tindak-tanduk ini dapat diperhatikan dalam beberapa insiden yang berlaku pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 14 pada 2008. Pendefinisian semula, atau lebih popular dengan slogan Malaysia Baharu yang

cuba diisi dengan pelbagai tindakan yang tidak sehaluan dengan norma dan status quo, yang bukan dalam konteks parti politik sahaja, tetapi melangkaui sejarah, budaya dan citra Malaysia.

Masalah isothymia juga sebenarnya menafikan kebarangkalian kecemerlangan yang boleh dikecapi oleh individu atau kumpulan. Pengiktirafan bahawa semua orang adalah sama, atau mempunyai hak yang sama rata, sebenarnya adalah kegagalan mengenal pasti bahawa ada individu atau kumpulan yang sememangnya baik dalam sesuatu perkara atau unggul dalam perkara-perkara tertentu. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa masalah isothymia ini adalah isu jiwa yang mengkehendakkan pengiktirafan, kepercayaan bahawa berhak untuk dihormati, yang menjelaskan kegagalan masyarakat sekeliling mengenal pasti isu yang terkandung. Ia semakin terjelas dengan tekanan yang wujud akibat ketidakpastian ekonomi dan perubahan teknologi yang pesat.

Megalothymia pula ialah keinginan untuk diiktiraf atau dikenali sebagai unggul. Berani mengambil risiko, terlibat dalam perjuangan monumental, serta mencari kesan yang besar yang semuanya membawa kepada pengiktirafan individu atau kumpulan terhadap yang lain. Firaun, Namrud, atau Lincoln, atau Churchill atau Mendela, atau Caesar, mahupun Hitler ataupun Mao Zedong, adalah antara beberapa contoh perwira atau pejuang (*heroic*) ataupun diktator atau penzalim (*tyrant*).

Masalah megalothymia ialah di mana kebaikan berposisi, iaitu yang perasaan yang didasarkan kepada rasa kebersamaan yang tidak boleh dikongsi oleh mereka yang bukan dalam kumpulan atau golongan yang sama. Ringkasnya, ialah keadaan psikologi yang inginkan sesuatu status yang terkandung di dalam biologi manusia (Anderson, 2019; Fukuyama, 2019). Jika sebelum gelombang ketiga pendemokrasian, soal pemilikan dan pegangan ekonomi menjadi keutamaan, namun setelah berlaku globalisasi, soal keinginan untuk diiktiraf berdasarkan status, mahupun kumpulan atau golongan menjadi keutamaan pula. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Huntington bahawa psikologi megalothymia sering melibatkan kumpulan menengah berbanding kumpulan yang miskin dan terdesak atas faktor akan kehilangan status dengan kumpulan yang lain (Huntington, 1996). Ini dapat dibuktikan engan golongan pendesak adalah mereka yang dalam kalangan pertengahan, berpelajaran dan terdedah dengan pelbagai maklumat.

Megalothymia juga sering dikaitkan dengan promo harga diri yang melahirkan narsisisme yang membawa kepada perjuangan peribadi berbanding perjuangan keadilan sosial. Maka jika diamati, kekeliruan dan polemik yang berlaku dewasa ini sebenarnya menterjemahkan kekusutan harga diri yang diapit oleh kebencian (*resentment*) akibat tekanan sosial. Oleh yang demikian dapat diperhalusi bahawa ancaman terhadap keanggotaan dan pemilikan serta perasaan unggul berbanding yang lain ditambah dengan tekanan potensi kehilangan status, ia mencipta kebencian dan mempengaruhi golongan yang sama. Thymos pada hakikatnya ialah perasaan marah dan juga bangga, juga pertimbangan bernilai, yang saling berkait dengan politik identiti. Disebabkan oleh wujudnya perasaan inginkan hak sama rata (*isothymia*), reaksi anak watan pula di pengaruhi oleh keinginan diiktiraf sebagai unggul (*megalothymia*) telah merencatkan proses pembinaan negara bangsa apabila elemen-elemen anak watan yang termaktub di dalam perlembagaan menjadi usul pertikaian. Maka, disebabkan pencabulan elemen ini, politik di Malaysia dilihat seakan menyahut seruan global dengan politik identity dan politik kemarahan menjadi taruhan parti politik pasca Mac 2020.

### **Pencabulan Elemen Anak Watan**

Malaysia, sebuah negara yang berdaulat dan Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang yang tertinggi bagi negara ini. Sebagai sebuah negara yang merdeka sejak 1957, perlembagaan merupakan simbol unggul bagi

negara ini. Sebagaimana negara berdaulat yang lain, perlembagaan dijadikan sebagai penanda aras khususnya bagi sistem pentadbiran negara samada di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri.

Perlembagaan Malaysia sememangnya telah direka dan dibentuk mengikut kerangka asal struktur pentadbiran negara ini dan telah dipersetujui secara “Kontrak Sosial” malah ianya telah wujud sebelum negara ini mencapai kemerdekaan khususnya dalam undang-undang Tubuh negeri-negeri yang beraja. Prasasti Terengganu, Hukum Kanun Melaka, Perlembagaan Negeri Johor mahupun Perlembagaan Negeri Terengganu sebagai contoh telah meletakkan asas Islam sebagai agama rasmi dan ia terus digunapakai dalam perlembagaan negara sehingga ke hari ini. Jelas disini, kerajaan Melayu telah lama mengguna pakai perlembagaan yang tersendiri namun ia dilemahkan dan dipinggirkan setelah kedatangan kolonial barat di tanah nusantara ini. Secara ringkas, Perlembagaan Persekutuan merupakan sebuah perjanjian diantara pihak-pihak yang memersetujui hubungan antara mereka sebagai satu hubungan yang sah dan ia diiktiraf oleh undang-undang. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai satu perjanjian di antara (a) Penjajah dan yang dijajah; (b) Pentadbir dan yang ditadbir; (c) Kerajaan dan rakyat; (d) Kerajaan dan raja; (e) Raja dan rakyat; (f) Negeri dan negeri; dan (g) Negeri dan Persekutuan (Shamrahyu Ab. Aziz, 2018).

Namun agak mengecewakan apabila elemen-elemen anak watan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan seakan akan dicarik-carik, dirobek –robek malah terus dicabuli oleh segelintir masyarakat Malaysia yang kurang memahami dan juga kurangnya penghayatan mereka terhadap elemen-elemen anak watan ini. Elemen-elemen anak watan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Raja-raja Melayu, keistimewaan Melayu, Bahasa Melayu, Islam sebagai agama Persekutuan dan juga rezab tanah Melayu yang mencerminkan sejarah, budaya dan kefahaman buat semua warganegara Malaysia.

Pencabulan elemen-elemen anak watan ini dapat dilihat dilakukan secara terbuka apabila ada usaha-usaha yang dilakukan oleh segelintir masyarakat untuk cuba meratifikasikan Konvesyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum atau International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dan juga Statut Rom yang menjadi isu besar dalam negara setahun dua yang lalu. Isu ICERD dan “Statut Rom” ini boleh dianggap sangat bercanggah dengan beberapa perkara dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya artikel 1(4) yang boleh memberikan kesan yang negatif khususnya ke atas elemen-elemen anak watan seperti hak istimewa orang Melayu, anak-anak negeri Sabah dan Sarawak, malah kedudukan agama Islam, tanah Rizab Melayu dan juga tanah adat Bumiputera.

Rentetan dari dua isu yang besar ini telah membawa kepada pelbagai isu dan insiden pencabulan keatas elemen-elemen berkaitan anak watan ini. Sebagai contoh, tular di media sosial baru-baru ini, video seorang lelaki yang mencabar institusi beraja dalam negara ini. Beberapa perkataan yang kurang sedap dan jelik di dengar telah diperkatakan oleh lelaki tersebut. Agak menyedihkan ini bukanlah kali pertama ianya berlaku malah dikatakan lelaki yang sama pernah beberapa kali mengeluarkan provokasi yang hampir sama keatas sistem beraja di dalam negara ini.

Begitu juga baru-baru tular di media sosial apabila salah seorang ahli politik di negeri Selangor cuba melakukan provokasi dengan meletakkan gambar demonstrasi keatas sistem beraja di Thailand di akaun Facebook peribadinya dengan kapsyen menggambarkan provokasi terhadap sistem beraja di Malaysia. Perbuatan ahli politik ini adalah sangat biadap dan sebagai seorang ahli politik beliau seharusnya memikirkan akibat dari perbuatan beliau dengan meletakkan gambar tersebut dengan “caption” berbunyi seperti ini, “Now in Bangkok. They are saying No to the King”. Adakah beliau cuba menyamakan sistem beraja di Thailand dengan sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia? Hanya beliau sahaja yang mampu menjawab apakah tujuan beliau melakukan secara demikian.

Insiden-insiden lain seperti penentangan isu penulisan Jawi dalam buku teks Bahasa Melayu juga mampu menggugat elemen-elemen anak watan dalam Perlembagaan Malaysia. Bantahan dan beberapa memorandum penolakan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular oleh Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Don Zhong) menjadi isu polemik yang berpanjangan. Walaupun tulisan Jawi ini adalah salah satu seni cabang tulisan dalam Bahasa Melayu, namun isu ini terus dipolemikkan sehingga menggambarkan dengan mempelajari tulisan Jawi ini adalah satu agenda Islamisasi oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia.

Terdapat banyak lagi isu-isu yang terkait dengan elemen –elemen anak watan dalam Perlembagaan Persekutuan, sebagai contoh soal kedudukan agama dan agama Islam, bahasa kebangsaan, soal pendatang dan juga penghijrahan, (Mohd Azmir Mohd Nizah, 2018a, 2018b, 2018c).

### **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Secara dasarnya, isu-isu pencabulan ke atas elemen-elemen anak watan ini tidak seharusnya berlaku jika setiap rakyat memiliki jatidiri dan semangat nasionalisme yang tinggi. Namun apa yang kelihatan, kewujudan masalah thymos, iaitu perasaan dan kemahuan pengiktirafan terhadap martabat dan maruah, melahirkan isothymia-tuntutan untuk dihormati secara setara dengan yang lain, dan megalothymia- keinginan diiktiraf sebagai unggul telah mewujudkan satu polemik yang berpanjangan di dalam negara ini. Malah jika polemik ini berterusan harapan untuk mendambakan negara bangsa idaman Malaysia akan hanya menjadi retorik politik semata-mata. Pihak kerajaan seharusnya perlu bertindak lebih tegas dan pantas bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan elemen-elemen anak watan ini. Jika tidak ia akan menjadi barah yang besar sehinggakan menyebabkan berlakunya insiden-insiden yang tidak diinginkan seperti isu “Black Lives Matter” yang berlaku di Amerika Syarikat baru-baru ini. Antara cadangan dan usaha bagi memperkasakan elemen –elemen anak watan adalah seperti berikut :

#### **Institusi Beraja perlu terus diperkasakan**

Sebagai antara tiang utama elemen-elemen anak watan, institusi beraja harus terus diperkasakan agar ianya tidak mudah di robek dan dicarik sewenang-wenangnya. Tindakan yang tegas perlu di ambil segera kepada mana-mana individu yang cuba memprovokasi institusi beraja dalam negara ini. Malah terdapat banyak cadangan dan pandangan sebelum ini dari pelbagai pihak supaya satu undang-undang khas dibuat bagi menahan serta menghukum sesiapa sahaja yang cuba melakukan penderhakaan kepada istituti beraja ini.

Sebagai payung kedaulatan negara adalah wajar kerajaan menimbangkan cadangan ini supaya kedaulatan sistem beraja dalam negara ini terus utuh dan terjaga dengan baik. Malah kepentingan institusi beraja dalam negara ini dapat dilihat dengan jelas dan nyata seperti termaktub di dalam perlembagaan Malaysia dimana hampir 10 peratus ataupun 19 daripada 183 perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan Raja yang berperanan penting dalam struktur kerajaan dan struktur negara bangsa. Dengan adanya undang-undang khas bagi institusi beraja ini maka ia akan menjadi lebih dihormati dan di pandang tinggi oleh setiap warganegara malah intusi ini akan terus menjadi kesinambungan bagi agama, budaya, adab resam dan cara hidup khususnya bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Walaupun ia kelihatan draconian (tegas) tetapi ia bermatlamat menjaga kemaslahatan lebih besar sejajar garis panduan di dalam Maqasid Syariah. Di samping itu, institusi beraja ini akan terus menjadi institusi semak dan imbang terakhir kepada kuasa eksekutif khususnya Perdana Menteri.

Sebagaimana yang berlaku pada Februari 2020, apabila Perdana Menteri ke-7 Tun Mahathir secara tiba-tiba mengundurkan diri dari jawatan Perdana Menteri, yang akhirnya Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu menjadi benteng terakhir menyelamatkan keadaan semasa kerajaan pada ketika itu. Ini secara tidak langsung memperlihatkan betapa pentingnya dan praktikalnya institusi beraja sehingga ke hari ini. Malah dengan memperkasakan institusi beraja ini, ia secara tidak langsung akan memperkukuhkan elemen-elemen anak watan lain seperti elemen Agama Islam dan juga elemen Orang-orang Melayu khususnya Artikel 153.

### **Memperkasakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan**

Negara ini telah merdeka selama 63 tahun. Namun isu Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan masih terus dijadikan polemik perbincangan pelbagai pihak. Paling menyedihkan, masih lagi ada segelintir warga negara yang mengaku warga negara Malaysia namun masih tidak boleh berbahasa Melayu dengan baik. Siapa yang harus dipersalahkan di sini? Adakah Dasar Pendidikan Negara? Kerajaan? Atau sikap sambil lewa segelintir masyarakat yang tidak cakna pada penggunaan Bahasa Melayu itu sendiri. Sebagai contoh, agensi kerajaan sendiri, masih menggunakan “Bahasa Rojak” dalam mempromosikan program-program seperti, Rakan Cop, NKRA, RTC, UTC, NBOS, IM4U dan pelbagai contoh-contoh lain yang boleh digunakan sebagai rujukan (Afi Roshezry Abu Bakar, Ira Meilita Ibrahim, Thangavelu.M, & Taufik A.Latif, 2014).

Disini timbul satu persoalan yang sering bermain dalam minda; adakah pihak kerajaan sendiri tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara atau adakah ini hanya sebagai langkah menarik golongan-golongan muda? Walaupun jelas Kedudukan bahasa Melayu termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan di mana bahasa Melayu mesti digunakan untuk maksud-maksud rasmi namun ianya masih tidak dipatuhi dengan sepenuhnya (Siti Khariah Mohd Zubir, 2013).

Sebagai pihak kerajaan sentiasa mempertahankan penggunaan Bahasa Melayu yang standard dalam mana-mana program, aktiviti ataupun dasar-dasar yang diguna pakai adalah menjadi keutamaan dan bukan sebaliknya. Pihak media samada media cetak ataupun media sosial juga perlu memainkan peranan dalam memastikan penggunaan bahasa kebangsaan ini dapat di perkasakan dalam pelbagai lapisan masyarakat. Tanggungjawab menggunakan bahasa Melayu yang standard dalam setiap artikel penulisan, iklan dan juga lain-lain perlu dipertingkatkan lagi. Bahasa -bahasa rojak dan bahasa slanga harus dielakkan penggunaannya dalam mana-mana media sama ada media cetak mahu pun media sosial. Ini secara tidak langsung dapat memberi pengisian dan ilmu berguna bagi sesiapa yang membacanya.

### **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, pemerksaan keatas elemen-elemen anak watan seperti yang disebut dalam perbincangan dan cadangan adalah sangat penting bagi kesinambungan ke arah pembinaan negara bangsa idaman. Kewujudan masalah thymos, iaitu perasaan dan kemahuan pengiktirafan terhadap martabat dan maruah, melahirkan isothymia- tuntutan untuk dihormati secara setara dengan yang lain, dan megalothymia- keinginan diiktiraf sebagai unggul telah menjadi kerangka polemik parti dalam era politik identiti. Namun, sebagai tiang seri utama perlembagaan persekutuan, elemen-elemen anak watan ini harus sentiasa diberikan perhatian yang sewajarnya. Dasar khusus bagi memperkasakan elemen-elemen watan harus di bentuk agar ianya terus subur, relevan dan di hormati setiap warga negara. Program-program menyantuni elemen-elemen anak watan harus disegerakan bagi setiap agensi kerajaan agar rohnya tidak hilang malah terus disuburkan. Begitu juga dalam bidang pendidikan, subjek wajib harus di perkenalkan bermula di peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Ia adalah bertujuan memberikan bukan sahaja ilmu pengenalan mengenai subjek-subjek yang berkaitan elemen-elemen anak watan ini malah agar mereka lebih menghormati dan sentiasa menghayatinya

sebagai rakyat Malaysia. Badan-badan bukan kerajaan dan juga badan-badan bukan kerajaan serta masyarakat sivil juga seharusnya mengambil inisiatif baru bagaimana untuk terus menyuburkan elemen-elemen anak watan bagi setiap lapisan masyarakat. Program-program berteraskan elemen-elemen anak watan harus diperkenalkan agar ianya tidak menjadi hanya tulisan termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan sahaja malah ianya boleh dirasai hingga di setiap lapisan masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Afi Roshezry Abu Bakar, Ira Meilita Ibrahim, Thangavelu.M, & Taufik A.Latif, . (2014). Dasar Kebudayaan Kebangsaan: Cabaran dalam Pembinaan Negara Bangsa. 112–125. Kuala Lumpur: Institut Pemikir Tun Dr Mahathir Mohamad.
- Anderson, A. B. (2019). Book Review : Identity : The Demand for Dignity and the Politics of Resentment. *Journal on Ethnopolitics and Minority Issues in Europe*, 18(1), 47–52.
- Bloom, A. (Trans.). (2016). *The Republic of Plato* (3rd ed.). UK: Hachette UK.
- Fukuyama, F. (2019). *Identity: Contemporary Identity Politics and the Struggle for Recognition*. London: Profile Books Ltd.
- Fuller, R. W. (2006). *All Rise: Somebodies, Nobodies, and the Politics of Dignity*. California: Berrett-Koehler Publishers.
- Huntington, S. P. (1996). *The Third Wave: Democratization in the Late 20th Century*. Oklahoma City: University of Oklahoma Press.
- Mohd Azmir Mohd Nizah.(2018a). Sejarah jadi Neraca Bina Negara Moden. *Kosmo*.
- Mohd Azmir Mohd Nizah.(2018b). Kepentingan Ilmu Hubungan Etnik. *Kosmo*, p. 51.
- Mohd Azmir Mohd Nizah.(2018c, November 13). Apabila Kaduk Makin Naik Junjung. *Kosmo*.
- Muslim, N., Samian, A. L., & Nizah, M. A. M. (2012). The Discrimination of Protection In The Federal Constitution From The Perspective of. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(3), 447–451.
- Shamrahyu Ab. Aziz. (2018). Perlembagaan Persekutuan Merakam Sejarah Mendepani Realiti. *Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke 40*, 1–17. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2013). Peranan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Membentuk Perpaduan 1 Malaysia. 475–491. *Kajang,Selangor: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional*.